



TEKS UCAPAN
YH. DATO' PROF. DR. MOHD ROSLAN BIN SULAIMAN
NAIB CANSELOR UPM
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENYERAHAN BENDERA KEJOHANAN
SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI AWAMA MALAYSIA (SUKUM)
KE-44, 2022

TARIKH: PADA 14 SEPTEMBER 2022
TEMPAT: DEWAN SERBAGUNA AKADEMI SUKAN UPM



Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir seluruh Alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala Rasul, pembawa rahmat seluruh alam.

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis,

SALUTASI

YBhg. Prof. Dr. Ismi Arif Ismail
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Prof. Dr. Nazamid Saari
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

YBhg. Prof. Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin
Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

YBhg. Prof. Dr. Arifin Abdu
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

YBrs. En. Muhazam Mansor
Pendaftar

YBrs. Prof. Madya Dr. Tajul Aripin Sulaiman
Pengarah Akademi Sukan

YBrs. En. Zuhaimi Abdul Rahim A.M.P
Presiden Persatuan PENTADBIR

YBrs. En. Norsyahrman Md. Arif



Presiden KEPERTAMA UPM

Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti

Pengetua-Pengetua Kolej

Pegawai pasukan dan atlet-atlet

Seterusnya hadirin hadirat yang dirahmati Allah SWT sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera

Salam Keluarga Malaysia

Salam Negaraku Malaysia – Sehati Sejiwa

Warga UPM yang dikasihi dan disayangi Allah SWT

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama menadah tangan tanda kesyukuran kita kepada Allah Azzawajalla kerana dengan limpah dan keizinan-Nya jua, dapat kita bersama-sama berkumpul pada detik ini untuk memberikan semangat kepada kontinjen UPM yang akan bertanding dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Awama Malaysia (SUKUM) 2022 nanti.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

2. Kejohanan SUKUM 2022 bakal menyaksikan UPM selaku Tuan Rumah Kejohanan akan membuka tirai kejohanan pada 17 September 2022 ini untuk tempoh 8 hari.
3. Saya difahamkan bahawa kontinjen UPM akan menyertai sebanyak 21 acara. Ini melibatkan sukan seperti badminton, berbasikal, bola jaring, bola tampar, bola sepak, catur, dart, footgolf, futsal, hoki, memanah, olahraga, petanque, ping pong, sepak takraw, tenpin boling dan golf.
4. Berbekal semangat "Sederap Melangkah Menuju Al-Falah", misi kita pada kali ini ialah untuk menjadi 5 pasukan terbaik dalam kalangan 21 pasukan yang bertanding yang seterusnya membaiki kedudukan yang dikecapi pada edisi ke-43 yang diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada tahun 2018 dengan pencapaian **4 EMAS, 7 PERAK dan 16 GANGSA iaitu di kedudukan 12 secara keseluruhan**. Pada tahun ini, kontingen UPM menasaskan untuk mengutip 25 pingat emas.
5. Harapan saya kepada atlet staf UPM, agar jadikan sasaran tersebut sebagai motivasi untuk kita menyumbang sesuatu kepada UPM, sebuah menara ilmu yang kita cintai. Sasaran pingat yang disandar kepada setiap



para atlet sebagai suatu momentum dengan semangat juang yang tinggi untuk melakukan yang terbaik dan seterusnya melengkapkan sasaran kejuaraan. Berbekal semangat, keazaman dan keyakinan tinggi para atlet, sasaran kita Insya-Allah akan dapat dicapai dan inilah peluang terbaik untuk membuktikan bahawa UPM boleh.

6. Manfaatkanlah peluang yang terbuka di hadapan anda untuk membuktikan bahawa anda adalah atlet staf universiti juga boleh mewarnai landskap sukan negara. Hari ini anda bertanding atas prestasi selaku Tuan Rumah, gunakan lah peluang ini untuk menunjukkan bahawa kita adalah pesaing utama untuk semua acara sukan selain kita mengeratkan silaturrahim dikalangan staf IPT.
7. Selain itu, jadikanlah kejayaan atlet pelajar UPM yang telah mengecapi kejayaan mempertahankan kejuaraan SUKIPT 2022 baru-baru ini sebagai pemangkin untuk atlet staf melakukan kejutan pada tahun ini bagi sukan SUKUM 2022.
8. Justeru, hargailah kesempatan menyertai SUKUM ini sebagai langkah permulaan untuk mencipta lebih banyak kejayaan dalam sukan dan acara yang disertai pada masa akan datang.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

9. Penyertaan UPM dalam SUKUM kali ini ialah selaku Tuan Rumah. Tentunya kita mempunyai kelebihan-kelebihan berbanding pasukan lain. Saya meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat UPM melakar kejutan dan meraih kegemilangan. Saya meyakini bahawa atlet yang membawa cabaran UPM telah bersedia menggalas amanah dan cabaran yang disandarkan oleh seluruh warga UPM. Persediaan mental dan fizikal yang jitu memastikan UPM akan sebagai salah satu pasukan yang digeruni dalam setiap sukan. Insya-Allah.
10. Pada kesempatan ini, saya zahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada Pejabat Pendaftar dan Akademi Sukan UPM yang berusaha keras dalam membuat persediaan untuk Kontingen UPM ke SUKUM 2022. Tidak ketinggalan sekalung penghargaan diberikan kepada pihak sekretariat yang bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran penyertaan atlet pada SUKUM kali ini.
11. Pengakhir bicara, kepada semua pegawai dan atlet staf UPM, saya mewakili pengurusan tertinggi dan seluruh warga UPM berdoa semoga saudara dan saudari sekalian, atlet kebanggaan UPM, selamat dalam berjuang, tidak gentar di gelanggang, tidak goyah di balapan untuk



sentiasa menjadi yang terbaik dalam kejohanan nanti. Kecapi kejayaan dan kecemerlangan yang menjadi kebanggaan kita semua kerana perjuangan anda, adalah perjuangan kita semua. Bermula dengan niat yang baik, usaha dan perancangan yang terbaik. Insya-Allah, hasilnya juga yang terbaik. Semoga Allah SWT merahmati usaha dan niat murni kita. Ini sejajar dengan komitmen kita untuk sederap melangkah menuju al-Falah iaitu kejayaan di dunia dan kejayaan di akhirat.

12. Sekalung penghargaan dan tahniah juga saya ucapkan kepada pihak jawatankuasa penganjur kerana telah berjaya melaksanakan majlis ini dengan lancar.

Dengan lafaz yang mulia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Penyerahan Bendera Kontingen UPM ke Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2022. Semoga segala usaha kita dirahmati dan diberkati Allah SWT dan dihitungkan sebagai amal kebaikan di sisi-Nya. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

**وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ
وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ**

**YH DATO' PROF. DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN
NAIB CANCELOR UPM
14 SEPTEMBER 2022**